

THE LIBRARY OF THE NATIONAL INSTITUTE OF MUSEUMS, DELHI

SELECTED PUBLICATIONS ON ASIAN STUDIES

SECOND SERIES / VOLUME 2, PART ONE

THE LIBRARY OF THE NATIONAL INSTITUTE OF MUSEUMS, DELHI

SELECTED PUBLICATIONS ON ASIAN STUDIES



LP 29 FPE | 2010



1100089139

Penilaian kecekapan bagi industri dalam sektor perladangan di Malaysia / Mohd Saiful Azuan Mat Yazit.

**PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)**
21030 KUALA TERENGGANU

110089139

Lihat Sebelah

**PENILAIAN KECEKAPAN BAGI INDUSTRI
DALAM SEKTOR PERLADANGAN
DI MALAYSIA**

**MOHD SAIFUL AZUAN BIN MAT YAZIT
SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2010

PENGAKUAN

Saya akui bahawa Kertas Projek (EKN 4399A/B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

Tarikh :

Mohd Saiful Azuan bin Mat Yazit

UK 15719

DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN 4399A/B) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated.

Date:

Mohd Saiful Azuan bin Mat Yazit

UK 15719

PENGHARGAAN

Bismillahirahmanirahim...

Di ruangan ini, saya ingin memanjatkan rasa syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat juga saya menyiapkan Kertas Projek Ilmiah Tahun Akhir ini dengan penuh jaya. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia Projek Ilmiah Tahun Akhir saya, Encik Akbar Ali bin Abdul Kadir di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan di dalam menyiapkan Kertas Projek Ilmiah Tahun Akhir ini. Saya amat menghormati segala kesungguhan dan komitmen yang diberikan oleh beliau sepanjang tempoh yang telah dipertanggungjawabkan kepada saya untuk menyiapkan segala yang berkaitan dengan Kertas Projek Ilmiah Tahun Akhir ini.

Keistimewaan dan penghargaan ini juga turut ditujukan khas kepada keluarga tercinta terutama sekali ayahanda; Mat Yazit bin Md. Saman, bonda; Rohmah binti Abdullah serta adik-beradik sekalian yang begitu mengambil berat, memberi perhatian serta banyak memberi sokongan dan dorongan yang sepenuhnya kepada diri saya di atas segala apa yang telah saya usahakan selama ini.

Tidak lupa juga penghargaan ini ditujukan kepada teman-teman seperjuangan sekalian yang telah banyak menyumbang kepada saya dalam menjayakan Kertas Projek Ilmiah Tahun Akhir ini. Akhir kata dari saya, sejuta penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan Kertas Projek Ilmiah Tahun Akhir ini. Jasa baik anda akan tetap saya kenang...

ABSTRAK

Peranan sektor pertanian sering diperkatakan sebagai salah satu ejen dalam pembangunan ekonomi negara pada masa kini kerana sumbangannya kepada peluang pekerjaan serta peranannya sebagai pembekal makanan utama kepada negara sesuai dengan usaha kerajaan untuk membangunkan lagi sektor ini. Selain itu, sektor ini juga mampu menyumbang kepada keuntungan yang tinggi kepada syarikat-syarikat swasta yang terlibat dalam sektor perladangan di Malaysia dari hasil pengeluaran yang dikeluarkan. Bidang kajian yang ditumpukan dalam kajian ini adalah bagi syarikat-syarikat yang terlibat dalam sektor perladangan dalam pengeluaran komoditi pertanian di mana untuk menentukan tahap kecekapan syarikat bersetujuan dengan hasil yang dikeluarkan serta mengemukakan langkah-langkah yang sesuai untuk memajukan sektor perladangan di Malaysia. Bagi menjalankan kajian kecekapan ini, sebanyak sepuluh syarikat perladangan yang tersenarai dalam Bursa Malaysia di ambil sebagai sampel kajian di mana data-data adalah terdiri daripada input bagi buruh dan aset serta output bagi jumlah pengeluaran, hasil tahunan dan untung tahunan bagi tempoh 2004, 2006 dan 2008. Analisis bagi data ini dibuat menggunakan kaedah *Data Envelopment Analysis (DEA)* iaitu bagi Model CCR dan Model BCC. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat kecekapan dalam syarikat perladangan di Malaysia untuk tempoh tiga tahun iaitu Batu Kawan Berhad dan Boustead Holding Berhad. Terdapat beberapa cadangan daripada kajian ini antaranya kerajaan perlu campur tangan dalam pengurusan syarikat perladangan seperti pemberian subsidi yang mampu meningkatkan tahap kecekapan syarikat perladangan.

ABSTRACT

The role of the agricultural sector is often dealt with as one of the agents in the development of national economy at present because it's contribute opportunities for occupation and it's role for food supply suitable with effort of government to more develop this sector. In addition, this sector could also contribute to higher profits for private companies involved in the plantation sector in Malaysia of the output produced. Field research is focused in this study is for the companies involved in the farming sector in the production of agricultural commodities in which to determine the level of efficiency in line with the results produced and submitted the appropriate steps to develop the agriculture sector in Malaysia. To conduct thus efficiency, a total of ten plantation companies listed on Bursa Malaysia were taken as samples in which the data consists of input for labor and assets and output for total production, annual revenue and annual profits for 2004, 2006 and 2008. This data analysis is made using the method of Data Envelopment Analysis (DEA) of the CCR model and BCC model. The results of this study show that there is efficiency in the plantation company in Malaysia for three years of Batu Kawan Berhad and Boustead Holdings Berhad. There are a few suggestions from the study of which government should intervene in the management of plantation companies such as provision of subsidies that could improve the efficiency of farming.